

01 AUG 1996
Mahathir-MSD

PERBADANAN DIBENTUK UNTUK BANGUNKAN KORIDOR RAYA MULTIMEDIA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) akan ditubuhkan untuk membangunkan Koridor raya Multimedia (MSC) yang pertama di dunia di Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata MDC akan mempunyai kuasa mentadbir kerajaan tetapi diuruskan seperti perbadanan swasta.

Ia akan menerima permohonan daripada syarikat-syarikat yang mahu mendapatkan pelantikan MSC dan bertindak sebagai pusat sehenti bagi memastikan MSC memenuhi keperluan syarikat, katanya dalam ucapan dasar pada perasmian "Multimedia Asia '96", pameran dan persidangan Koridor Raya multimedia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, yang juga bekas naib canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), dilantik pengerusi MDC.

Beliau juga berkata tidak akan ada sekatan mengenai pengambilan pekerja dan pemilikan asing terhadap syarikat-syarikat MSC yang ditubuhkan dalam MSC.

Dr Mahathir berkata Malaysia berhasrat untuk mempelopori kerajaan elektronik dalam tempoh empat tahun akan datang melalui MSC.

Kerajaan elektronik itu akan merupakan pentadbiran rangkaian multimedia tanpa penggunaan kertas yang menghubungkan pusat pentadbiran baru Malaysia, Putrajaya, ke pusat-pusat kerajaan di seluruh negara bagi memudahkan kerjasama antara pentadbiran kerajaan dan laluan warganegara mendapatkan perkhidmatan kerajaan.

Dalam tempoh yang sama, beliau juga menjangkakan untuk melihat enam lagi permohonan khusus dibangunkan dalam MSC oleh "lingkaran" syarikat antarabangsa dan Malaysia, termasuk menjadikan Malaysia pusat serantau teleperubatan.

MSC akan merupakan kawasan seluas 15km lebar dan 50km panjang bermula di Kuala Lumpur City Centre di Utara dan ke selatan Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Ia akan meliputi dua lagi projek besar -- Putrajaya dan sebuah bandaraya teknologi maklumat, pembangunan bangunan pintar dengan infrastruktur maklumat terbaru yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan kehidupan dan perniagaan pekerja berilmu.

Mengenai harapannya bahawa Malaysia boleh menjadi sebuah pusat bagi teleperubatan, Dr Mahathir berkata klinik-klinik luar bandar boleh dihubungkan dengan pakar-pakar perubatan dari Malaysia dan ke klinik-klinik besar di seluruh dunia menggunakan teleperalatan bagi diagnosis jarak jauh.

"Doktor tidak perlu lagi berada dalam sebuah bilik yang sama dengan pesakit. Maklumat penting boleh dikumpulkan dengan menggunakan peralatan baru seperti 'stetoskop elektronik' yang dikendalikan jururawat atau juruteknik," katanya.

Beliau berharap MSC akan juga menjadi kelompok kerjasama universiti serta pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) korporat menggunakan pembelajaran jarak jauh untuk menghasilkan graduan bertaraf dunia dan pembaharuan generasi akan datang.

Perdana Menteri juga berharap MSC itu akan menjadi penyelaras pengeluaran jarak jauh dan pusat perdagangan sokongan kejuruteraan yang secara elektronik membolehkan syarikat-syarikat di negara-negara kos tinggi untuk membuka kemudahan kilang ke Malaysia dan Asia sebagai pembesaran sebenar operasi domestik mereka.

Dr Mahathir juga mahu MSC itu menjadi pusat perdagangan pelanggan multimedia yang menyelaraskan hubungan pelbagai kebudayaan Malaysia yang unik untuk menyediakan penerbitan elektronik, kandungan yang disetempatkan, telepemasaran dan penjagaan pelanggan jarak jauh untuk pasaran 2,500 juta orang.

Beliau juga berharap MSC berkenaan mempunyai persekitaran yang cantik dan tempat perlindungan kewangan yang amat selesa dengan hubungan terus multimedia ke Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan dan pusat-pusat kewangan dunia.

Akhirnya Dr Mahathir mahu Malaysia mempunyai kad pintar pelbagai guna yang pertama di dunia.

"Satu kad yang akan mempunyai pengenalan individu dan tandatangan elektronik serta kemudahan kepada perkhidmatan kerajaan, perbankan, kredit, telefon, pengangkutan dan kelab," katanya. -- BERNAMA

AFY AH RON